



KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN 5 CALON AKHIR ANUGERAH INDUSTRI MUZIK 22 (AIM 22)

**MAJLIS ANUGERAH INDUSTRI MUZIK 22 BAKAL BERLANGSUNG PADA 18 DISEMBER 2016
DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR
DIBAWAKAN OLEH SWEEDSKIN.**

13^{hb} Oktober 2016, Kuala Lumpur – Sejumlah 80 nama dalam 16 kategori anugerah telah diumumkan sebagai calon akhir untuk edisi ke-22 Anugerah Industri Muzik (AIM), majlis anugerah terutama Malaysia yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM). Senarai calon akhir tersebut menampilkan gabungan menarik nama-nama besar yang disegani dan juga pendaatang baru dalam industri muzik negara dalam pelbagai genre muzik yang diterbitkan.

“Penerimaan lebih daripada 731 pencalonan untuk AIM tahun ini adalah amat menggalakkan jika dibandingkan pencalonan sebanyak 610 yang diterima untuk AIM 21. Ini menggambarkan bahawa industri muzik tempatan terus rancak dan dinamik dalam penghasilan rakaman-rakaman lagu baru dari penggiat-penggiat seni muzik tanahair.” kata Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM 22.

Beliau menambah, “Kami juga gembira melihat senarai pencalonan tahun ini yang menunjukkan kepelbagaian artis-artis yang bertanding dari bintang-bintang ternama sehinggalah ke bakat-bakat baru yang sedang menempa nama dalam persada seni muzik tanahair. Pencalonan artis-artis dan lagu-lagu yang kurang dikenali ramai juga menunjukkan bahawa AIM terus mengiktiraf hasil-hasil karya penggiat-penggiat seni muzik berasaskan kualiti dan bukan populariti semata-mata. Untuk itu, kami amat menghargai usaha dan masa yang telah dicurahkan oleh

Panel Juri AIM 22 untuk menilai semua karya-karya yang dicalonkan dalam menentukan karya-karya terbaik yang layak menerima pengiktirafan tertinggi.”

Borang-borang pencalonan telah dihantar oleh Syarikat Rakaman dan Syarikat Penerbitan yang merupakan ahli kepada **Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)** dan artis-artis yang menjadi ahli kepada **Recording Performers Malaysia Berhad (RPM)** untuk Album dan 'Single' yang diterbitkan di Malaysia dari **1^{hb}Julai 2014 – 30^{hb}Jun 2016**. Proses penjurian telah dikendalikan sekali lagi tahun ini oleh Macomm Management Services, sebuah syarikat pengurusan bebas yang mempunyai pengalaman luas sebelum ini mengendalikan proses penjurian untuk acara-acara anugerah berprestij dalam bidang pengiklanan dan media seperti '4A's Kancil Awards', 'Malaysian Effie Awards' dan 'Malaysian Media Awards'. Semua pemarkahan para juri diaudit oleh juruaudit bertauliah, MAZARS.

Kategori 'Rakaman Album Terbaik' merupakan kategori anugerah yang pertama dinilai pada 18 Ogos 2016 di One Scream Studio, Kelana Jaya. Kategori-kategori yang lain diadili pada 29 dan 30 Ogos 2016 di Hotel PARKROYAL Kuala Lumpur, Hotel Rasmi AIM 22. Kategori terakhir iaitu 'Lagu Terbaik' telah diadili di hotel yang sama pada 12hb Oktober 2016. Panel juri AIM 22 yang diketuai oleh komposer dan penerbit ternama **Aubrey Suwito** sebagai **Ketua Juri**, terdiri dari mereka yang aktif dan disegani dalam industri muzik tempatan seperti AD Samad, Azmeer, Dato' Johari Salleh, Dato' M. Nasir, Fauzi Marzuki, Greg Henderson, Helen Yap, Illegal, Joe Wings, Johari Teh, LY, Pacai, Sharon Paul, Syafinaz Selamat, Taja dan ramai lagi.

Dato' Siti Nurhaliza yang mendahului senarai pencalonan dengan 7 pencalonan termasuk 2 pencalonan untuk kategori 'Susunan Muzik Terbaik Di Dalam Lagu' membuktikan bahawa biduanita itu masih mampu menarik perhatian panel juri selepas bertahun-tahun berkerjaya dalam industri muzik diikuti oleh penyanyi Faizal Tahir dengan 5 pencalonan. Pemenang anugerah 'Lagu Terbaik' AIM 21, SonaOne menerima 4 pencalonan termasuk 2 lagu dalam kategori 'Lagu Hip Hop Terbaik'. Persaingan sengit boleh dilihat dalam senarai pencalonan untuk kategori 'Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu' (Lelaki Dan Wanita) yang membariskan nama-nama besar di dalam industri muzik tanahair. De Fam dan Elvira Arul, 2 nama baru dalam industri muzik tempatan masing-masing menerima 2 pencalonan dan ini meletakkan nama mereka sebaris dengan artis-artis ternama.

Dari 5 calon akhir untuk setiap kategori yang diumumkan, hanya 1 pemenang akan dipilih untuk menerima trofi pewter AIM yang berbentuk mikrofon dalam majlis penganugerahan pada bulan Disember ini, satu penghargaan yang didamba oleh semua komposer, penyanyi dan penggiat yang aktif dalam dunia seni muzik tempatan.

Anugerah Industri Muzik ke 22 akan disiarkan secara langsung dari **Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, Lokasi Rasmi AIM 22** pada hari Ahad, **18 Disember 2016** serentak di **Saluran Astro RIA (104) dan Astro Ria HD (123)** dari pukul 9.00 malam hingga 12.00 malam. Majlis tersebut akan didahului acara '**Karpet Glamor AIM 22**' yang menampilkan perjalanan artis dan selebriti yang menyusuri karpet merah dari pukul 8.30 malam hingga 9.00 malam sejurus sebelum majlis penyampaian anugerah berlangsung.

Menurut Ketua Saluran Melayu Astro, Encik Raqim Ahmad "Astro selaku rakan penyiar rasmi akan sentiasa berkongsi aspirasi memartabatkan majlis penganugerahan industri muzik terbesar di Malaysia ini dengan memberikan promosi yang meluas.

Komitmen Astro dalam AIM bertitik tolak pada kepercayaan stesen televisyen satelit negara ini pada bakat-bakat seni yang dilahirkan oleh industri muzik tanahair. Pada masa sama jalinan kerjasama ini juga diharapkan akan terus memberikan manfaat yang besar kearah memastikan industri muzik Malaysia terus bergerak ke hadapan sekali pun berhadapan dengan cabaran yang besar. Semoga penganjuran AIM 22 pada tahun ini berlangsung dengan penuh gilang gemilang seperti yang dirancang".

Majlis anugerah muzik terutama ini ditaja oleh **SWEEDSKIN** dan disokong oleh **Astro** sebagai **Penyiar Rasmi**, **ERA FM** sebagai **Radio Rasmi**, **Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur (PWTC)** sebagai **Lokasi Rasmi**, **PARKROYAL Kuala Lumpur** sebagai **Hotel Rasmi**, **AEON Mall** sebagai **Lokasi Rasmi Jelajah AIM 22**, **Hard Rock Café Kuala Lumpur** sebagai **Lokasi Rasmi Showcase AIM 22**, **MAZARS** sebagai **Juruaudit Rasmi** dan **Macomm Management Services** sebagai **Pengendali Penghakiman**.

Dengan kerjasama pusat membeli-belah **AEON**, satu **siri Jelajah AIM 22** akan diadakan di 5 cawangan AEON Mall bermula di AEON Tebrau City Shopping Centre, Johor Bahru pada 5 November, AEON AU2 Setiawangsa Shopping Centre pada 13 November, AEON MALL Klebang, Ipoh pada 19 November, AEON Mall Kota Bharu, Kelantan pada 26 November dan berakhir di AEON Mall Shah Alam pada 3 Disember. Penganjur akan membawa sebilangan para finalis AIM 22 untuk siri jelajah ini dengan matlamat mendekatkan AIM di hati peminat.

Showcase AIM 22 bakal diadakan di **Hard Rock Cafe Kuala Lumpur** pada 6 November 2016 bermula dari jam 3.00 petang hingga jam 6.00 petang. Showcase yang berlangsung selama 3 jam ini membariskan nama artis hebat seperti Akim & The Majistret, Black, Hazama, Kaka Azraff, Najwa Mahiaddin, Projector Band, Salammusik, Syamel, Projek Pistol, De Fam, Juwita Suwito dan Vince Chong. Tiket berharga RM60.00 termasuk satu minuman ringan percuma.

Sila rujuk lampiran yang disertakan untuk senarai penuh 5 Calon Akhir AIM 22 dan panel juri. Senarai kesemua kategori anugerah yang dipertandingkan untuk AIM 22 juga boleh diperolehi di laman web rasmi AIM, www.aim.org.my. Untuk berita terkini dan kandungan eksklusif berkenaan AIM 22, sila layari laman Facebook AIM di **(@Anugerah.Industri.Muzik.Official)**, atau ikuti akaun Instagram **(@anugerah_industri_muzik)** dan twitter **(@AIM22official)**.

- TAMAT -

TENTANG PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA (RIM)

RIM ialah sebuah persatuan perdagangan industri yang ditubuhkan untuk mewakili syarikat-syarikat rakaman tempatan di Malaysia. Ianya kini mewakili lebih daripada 300 syarikat dan peniaga rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pengedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.rim.org.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Samirah Hambali

Pengurus Acara & Komunikasi

Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)

Tel: 03 6207 2976 / 019-2975260

Emel: Samirahaim22@gmail.com

SWEEDSKIN – PANAJA UTAMA AIM 22

Sweedskin adalah produk keluaran tempatan berfungsi sebagai set penjagaan wajah yang lengkap. Terdiri daripada tujuh produk iaitu Pencuci Pembersih Bersinar (Luminous Purifying Cleanser), Semburan Pengaktif Kulit (Skin Activator Mist), Krim DD Pelindung Harian (DD Cream) dan empat jenis serum iaitu Serum Kawalan Sebum (Sebum Reducer Serum), Serum Pencerahan (Brightening Serum), Serum Pelembab Hidrasi (Hydration Moisturizer Serum), Serum Anti-Penuaan (Age Reversing Serum). Produk penjagaan wajah Sweedskin ini selamat digunakan tanpa bahan kimia yang berbahaya, selain itu, diformulasikan dari Eropah dengan bahan semulajadi yang berkesan, mesra kulit dan alam sekitar serta produk berkualiti dan inovatif dengan harga yang berpatutan.

Keistimewaan produk Sweedskin juga adalah bebas dari Sembilan bahan terlarang yang berbahaya untuk kulit. Sembilan bahan terlarang tersebut ialah bahan pengawet, silicon, bahan lanoline, bahan komedogenik, bahan dari sumber haiwan, minyak mineral, bahan pewarna dan alkohol. Ini menjadikan Sweedskin salah satu produk penjagaan wajah semulajadi yang sesuai untuk semua golongan, peringkat umur dan semua jenis kulit. Untuk maklumat lebih lanjut sila layari laman web rasmi Sweedskin di www.sweedskin.com

Buat julung kalinya, Sweedskin amat berbesar hati menjadi Penaja Utama bagi acara berprestij, Anugerah Industri Muzik Ke 22 (AIM 22). Kolaborasi ini terjalin kerana Sweedskin menyokong industri muzik tanahair dan menghargai usaha AIM untuk mempertabatkan hasil karya artis tempatan.

PARKROYAL KUALA LUMPUR – HOTEL RASMI AIM 22

Hotel Rasmi AIM 22. “Tak mungkin hilang Irama dan Lagu Bagaikan Kembang, Sentiasa Bermadu”. Buat kali pertama, PARKROYAL Kuala Lumpur bangga dapat bekerjasama dengan AIM (Anugerah Industri Muzik) sebagai Hotel Rasmi. Ini merupakan titik sejarah bagi pihak Hotel sebagai tanda sokongan kami pada Industri Muzik Tanahair. Ini juga tanda penghargaan untuk segala hasil titik peluh komposer, penulis lirik, penyanyi, malah semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung disebalik tabir. PARKROYAL Kuala Lumpur sekali lagi mengucapkan Syabas dan tahniah pada semua. Semoga silaturahim yang terjalin, sokongan kami akan mewarnai lagi Industri Muzik Tanahair.

PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR (PWTC) – LOKASI RASMI AIM 22

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ialah pusat pameran dan konvensyen utama di Kuala Lumpur, Malaysia. Dengan keluasannya yang ideal, bertaraf dunia, kemudahan yang hebat dan kakitangan yang berpengalaman menjadikan PWTC sentiasa menjadi pilihan untuk mengadakan pameran, konvensyen, persidangan, mesyuarat, konsert dan sebagainya. PWTC cukup berpengalaman dalam mengendalikan pelbagai acara yang bertaraf antarabangsa mahupun di dalam negeri.

Pada tahun ini, PWTC berasa berbesar hati menjadi tuan rumah bagi acara berprestij, Anugerah Industri Muzik (AIM) yang ke 22. Kolaborasi ini terjalin kerana PWTC menyokong industri muzik tanahair serta menghargai usaha AIM untuk mempertabatkan hasil karya artis tempatan yang telah berlangsung buat kali keenam di PWTC. Dengan kolaborasi ini dapat menyatukan hubungan silaturrahim diantara PWTC dengan AIM dalam membawa perbezaan industri masing-masing untuk satu tujuan.

AEON CO. (M) BHD. – LOKASI RASMI JELAJAH AIM 22

AEON CO. (M) BHD. adalah rangkaian Perniagaan Barangan Umum (GMS) serta pasarraya terkemuka di Malaysia dengan 33 buah cawangan AEON dan 3 pasarraya MaxValu di seluruh negara. Memegang kepada prinsip AEON, yang bermaksud 'selama-lamanya' dalam bahasa Latin, AEON mempunyai matlamat untuk sentiasa bekerjasama dengan pelanggan, pembekal, rakan niaga, rakan kongsi dan masyarakat untuk membina masa depan yang penuh potensi. Ditubuhkan pada tahun 1984 melalui jempunan Kerajaan Malaysia bagi membantu arus permodenan industri perniagaan negara, rangkaian AEON di seluruh Semenanjung Malaysia berusaha untuk memenuhi keperluan dan keinginan pengguna yang kerap berubah. Didorong oleh falsafah "**Mengutamakan Pelanggan**", syarikat ini begitu tepat memahami keperluan pasaran mereka, dibantu dengan rangkaian produk yang optimal, ia mengatasi jangkaan dan mempertingkatkan pengalaman pembelian pelanggan dalam setiap pembelian mereka. Semua ini dicerminkan melalui moto mereka, "**AEON, Menyerlahkan Gaya Hidup Anda**".

Pada tahun 2015, AEON telah memperkenalkan sebuah inisiatif dipanggil '**Do Mall**' yang merupakan sebahagian daripada aktiviti penjenamaan semula Pusat Membeli-Belah AEON kepada AEON Mall. Inisiatif ini mencerminkan inovasi produk ketahap lebih tinggi sambil mengekalkan produk pilihan pelanggan, aktiviti sepanjang tahun untuk meningkatkan pengalaman membeli-belah pelanggan serta AEON Mall dengan wajah baharu yang lengkap dengan pelbagai tawaran daripada makanan, hiburan, fesyen serta acara untuk komuniti setempat.

AEON juga telah dianugerahkan dengan Emas di Anugerah Putera Brand dalam kategor iMembeli-belah selama 6 tahun berturut-turut sejak tahun 2011 AEON juga telah dianugerahkan dengan Green Leadership oleh Asia Pacific Entrepreneurship Awards pada tahun 2011 dan 2010.

Untuk keterangan lanjut, sila layari:

www.aeonretail.com.my atau www.facebook.com/aeonretail.com.

HARD ROCK CAFÉ KUALA LUMPUR. – LOKASI RASMI SHOWCASE AIM 22

Hard Rock Café Kuala Lumpur amat berbangga menjalin kerjasama dengan AIM sebagai Lokasi Rasmi Showcase AIM 22. Ini bertepatan dengan sambutan ulangtahun Hard Rock Café yang ke 25. Secara tidak langsung ia menunjukkan sokongan yang padu Hard Rock Café Kuala Lumpur kepada industri muzik tempatan.

Hard Rock Café Kuala Lumpur telah menjadi pelopor arena muzik antarabangsa dengan persembahan oleh nama-nama besar seperti Brian McKnight, The Rasmus, Hoovastank, Gy Sebastian, All 4 One, James Ingram, Scorpion, Air Supply dan banyak lagi. Tidak lupa juga arena muzik tempatan, Hard Rock Café Kuala Lumpur telah menyaksikan ramai artis serba boleh seperti Shiela Majid, Ning Baizura, Ramli Sarip, Lefthanded, Wings dan banyak lagi. LOVE ALL – SERVE ALL, SAVE THE PLANET, TAKE TIME TO BE KIND AND ALL IS ONE. Moto Hard Rock Cafe mencerminkan kesungguhan kepada masyarakat dan bekerja. Ia percaya dalam mempromosikan kebaikan di seluruh planet ini dan mengekalkan sifat baik antara perniagaan dan keluarga Hard Rock.